

Bil. S 4

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

{Perintah di bawah bab 83(3) dan (5)}

**PERINTAH DARURAT {MEMPERUNTUKKAN DARIPADA
KUMPULANWANG KEMAJUAN}, 1998**

BAHAWASANYA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan satu Pemasyhuran Darurat bertarikh 27 haribulan Jun, 1998 telah mengisytiharkan satu keadaan darurat dalam seluruh Negara ;

DAN BAHAWASANYA adalah dipersyaratkan oleh ceraian (3) dari bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa apabila satu Pemasyhuran Darurat telah dibuat dan selagi Pemasyhuran itu masih berkuatkuasa, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bolehlah membuat sebarang Perintah yang Baginda fikirkan perlu bagi kepentingan awam ;

DAN BAHAWASANYA adalah dipersyaratkan oleh ceraian (5) dari bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa kuasa-kuasa tersebut akan termasuk kuasa membuat peruntukan kewangan yang boleh jadi diperlukan sepanjang tempoh darurat termasuk peruntukan bagi perkhidmatan awam ;

SEKARANG, DARI ITU, dalam menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Baginda oleh ceraian-ceraian (3) dan (5) dari bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah membuat Perintah seperti berikut :-

Gelaran dan
Permulaan.

1. Perintah ini bolehlah digelar sebagai Perintah Darurat {Memperuntukkan Daripada Kumpulanwang Kemajuan}, 1998 dan akan berjalan kuatkuasanya pada 1 haribulan Januari, 1999.

Pengeluaran
dan
Memperuntukkan.

2. (1) Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi sembilan ratus lima puluh juta ringgit (\$950,000,000.00) daripada Kumpulanwang Kemajuan adalah dengan ini dibenarkan.

(2) Wang tersebut adalah diperuntukkan bagi tujuan-tujuan seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

Tajuk	Gelaran	Jumlah Yang Diperuntukkan \$
701	Pertanian	4,072,390.00
702	Perhutanan	5,723,400.00
703	Perikanan	2,959,703.00
704	Kemajuan Perusahaan	27,550,000.00
705	Perdagangan dan Kemajuan Usahawan	2,067,300.00
706	Pendidikan	34,194,300.00
707	Jalan Raya	142,428,500.00
708	Penerbangan Awam	17,412,590.00
709	Laut dan Pelabuhan	20,080,352.00
710	Elektrik	174,683,000.00
711	Telekom	71,024,881.00
712	Radio Televisyen Brunei	12,615,000.00
713	Perkhidmatan Pos	329,000.00
714	Perumahan Kerajaan	40,943,346.00
715	Perubatan dan Kesihatan	19,929,000.00
716	Kebersihan	9,837,000.00
717	Pembekalan Air	62,146,100.00
718	Kemudahan Awam dan Projek Alam Sekitar	18,920,100.00
719	Bangunan Awam	105,498,900.00
720	Perumahan Negara	101,186,000.00
721	Hal Ehwal Ugama	9,541,626.00

JADUAL (Sambungan)

Tajuk	Gelaran	Jumlah Yang Diperuntukkan \$
722	Kajian Kemungkinan	2,951,773.00
723	ABDB Tutong	—
724	ABDB Berakas	2,131,367.00
725	ABDB Bolkiah	1,000,000.00
726	ABDB Penanjong	2,892,000.00
727	ABDB Muara	12,725,900.00
728	Projek Rampaian ABDB	20,161,200.00
729	ABDB Binturan	5,000,000.00
730	Polis	8,914,000.00
731	Pengaliran Air	11,077,500.00
732	Simpanan Gagasan	3,772.00
		<u>\$950,000,000.00</u>

Diperbuat pada hari ini 10 haribulan Ramadan, 1419 Hijrah bersamaan dengan 29 haribulan Disember, 1998 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM